



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM 2022**

## Sains Sukan (966)

# SAINS SUKAN 966/1

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 3 489 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.56% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.59	5.42	13.53	12.87	10.72	10.23	10.20	9.31	10.29	4.87	7.97

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhan, mutu kertas soalan untuk Bahagian A dan Bahagian B adalah baik dan bermutu. Soalan yang dikemukakan merangkumi topik dalam sukan pelajaran peperiksaan pada sesi pembelajaran. Soalan yang dikemukakan juga adalah jelas dan bersesuaian dengan tahap pemikiran calon tingkatan enam. Walaupun calon didapati cuba merancang dan memberikan jawapan terbaik, namun masih terdapat banyak kelemahan pada jawapan calon terutama sekali soalan struktur 2(a), 2(b), 2(c), dan pada soalan 3(a) dan 3(b) dalam bahagian A. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik soalan berbentuk struktur yang berkisar pada pengetahuan topik pengurusan acara dan topik pengurusan risiko. Calon gagal menjawab soalan walaupun pada aras kesukaran tahap sederhana yang hanya memerlukan calon menjawab dalam bentuk pernyataan sahaja. Bagi bahagian B pula iaitu soalan esei, majoriti calon gagal untuk menjawab soalan 6(a), 6(b), dan 6(c) dan soalan 7(a), 7(b), dan 7(c) dengan baik. Manakala calon yang menjawab soalan 5 mendapat markah yang agak rendah. Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah pada tahap sederhana. Calon kurang matang dan tidak mempunyai kemahiran dalam menjawab soalan yang berbentuk esei dan jawapan mereka tidak menepati kehendak soalan. Mungkin situasi Covid-19 menyebabkan calon kurang membuat persediaan rapi untuk menghadapi peperiksaan.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN A: Struktur

##### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan empat kaedah yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada penganjuran sukan *Formula One* di Malaysia. Soalan ini berada pada aras yang mudah.

Soalan 1(b) menghendaki calon menyatakan tiga acara berprestij yang dianjurkan di Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik dalam bahagian ini.

## **Soalan 2**

Soalan 2(a) menghendaki calon menyatakan jenis sistem pertandingan berpandukan kepada jadual kumpulan yang diberi. Soalan ini berada pada aras yang mudah.

Soalan 2(b) menghendaki calon memberikan rumus untuk mengira jumlah perlawanan berpandukan jadual rangsangan kumpulan yang disediakan. Soalan ini berada pada aras yang mudah.

Soalan 2(c) menghendaki calon membuat lakaran perlawanan sistem kalah mati bagi pasukan yang layak ke peringkat separuh akhir. Soalan ini berada pada aras yang mudah.

Soalan 2(d) menghendaki calon untuk peka terhadap bilangan keseluruhan kejohanan yang melibatkan liga dua kumpulan, tanpa mengambil kira perlawanan bagi tempat ketiga dan keempat.

## **Soalan 3**

Soalan 3(a) menghendaki calon untuk menerangkan prosedur Pengurusan Risiko yang perlu diambil oleh pihak pengangur semasa menjalankan program berkayak dengan memberikan urutan yang betul. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik.

Soalan 3(b) menghendaki calon menyenaraikan tiga cara untuk mengurangkan risiko lemas semasa aktiviti berkayak. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik.

## **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon untuk menyatakan tujuan pengambilan penokok diet oleh seseorang atlet dalam sukan. Soalan ini berada pada tahap sederhana tetapi ramai calon gagal untuk menjawab soalan ini dengan baik dan tepat kerana gagal memahami tujuan pengambilan penokok diet.

Soalan 4(b) menghendaki calon menyatakan perkara yang perlu dipertimbangkan oleh seorang jurulatih semasa merancang pengambilan penokok diet kepada atletnya. Soalan ini juga berada pada aras sederhana yang menguji pengetahuan calon tentang tiga perkara yang perlu dipertimbangkan oleh jurulatih jika merancang pengambilan penokok diet oleh atletnya.

Soalan 4(c) menghendaki calon menyatakan kesan negatif kepada seseorang atlet jika penokok diet itu tidak dikawal selia pengambilannya. Kebanyakan calon dapat menyatakan kesan dengan baik.

## **BAHAGIAN B: Esei**

### **Soalan 5**

Soalan 5(a) menghendaki calon untuk menyatakan peranan wanita dalam memartabatkan sukan di Malaysia. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap sederhana. Kebanyakan calon dapat menyatakan peranan wanita dengan baik.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan perkara yang menjadi isu yang membataskan penyertaan wanita dalam sukan. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap sederhana. Kebanyakan calon dapat menjelaskan perkara yang menjadi isu yang membataskan penyertaan wanita dalam sukan dengan baik.

Soalan 5(c) menghendaki calon menjelaskan empat pengubahsuaian yang boleh dilakukan dalam sukan bola sepak untuk mengalakkan lebih ramai wanita menyertai sukan itu di peringkat komuniti. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap sederhana. Kebanyakan calon dapat menyatakan pengubahsuaian bagi menggalakkan lebih ramai wanita menyertai sukan ini di peringkat komuniti dengan baik.

## **Soalan 6**

Soalan 6(a) menghendaki calon untuk menyatakan tiga faktor intrapersonal yang boleh mempengaruhi penglibatan individu dalam aktiviti rekreasi. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap tinggi. Kebanyakan calon dapat menyatakan faktor dengan baik dan juga masih ada calon yang tidak dapat menyatakan faktor dengan baik.

Soalan 6(b) menghendaki calon menyatakan tiga faktor rakan sebaya yang boleh mempengaruhi penglibatan individu dalam aktiviti rekreasi. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap tinggi. Kebanyakan calon dapat menyatakan faktor dengan baik dan juga masih ada calon yang tidak dapat menyatakan faktor dengan baik.

Soalan 6(c) menghendaki calon menjelaskan tiga faktor bagaimana prasarana mempengaruhi penglibatan aktiviti rekreasi. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap tinggi. Kebanyakan calon dapat menyatakan faktor dengan baik tetapi masih ada calon yang tidak dapat menyatakan faktor dengan baik.

## **Soalan 7**

Soalan 7(a)(i) menghendaki calon untuk memberikan definisi makronutrien dan mikronutrien. Aras kesukaran di tahap yang mudah. Kebanyakan calon dapat memberikan definisi dengan baik dan soalan 7(a)(ii) menghendaki calon menyatakan satu contoh bagi setiap makronutrien dan mikronutrien. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap yang mudah. Kebanyakan calon dapat memberikan contoh dengan baik.

Soalan 7(b) menghendaki calon untuk menyenaraikan empat contoh makanan yang mengandungi mikronutrien yang diperlukan oleh atlet. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap tinggi. Kebanyakan calon dapat menyatakan faktor dengan baik tetapi masih ada calon yang tidak dapat menyatakan faktor dengan baik.

Soalan 7(c) menghendaki calon menyenaraikan lima fungsi mikronutrien kepada atlet. Aras kesukaran soalan ini berada pada tahap tinggi. Kebanyakan calon dapat menyatakan faktor dengan baik dan juga masih ada calon yang tidak dapat menyatakan faktor dengan baik.

# SAINS SUKAN 966/2

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 3 388 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.56% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.37	6.32	9.89	13.87	13.43	9.15	9.53	8.56	4.31	6.85	12.72

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhan, mutu dan kualiti jawapan calon adalah berada pada tahap lemah. Bagi soalan struktur, penguasaan maklumat saintifik merupakan satu daripada faktor yang membezakan calon yang baik dan calon yang lemah. Calon yang lemah tidak dapat memberikan jawapan mengikut kehendak soalan. Selain itu, pemerhatian pemeriksa juga mendapati bahawa calon kehilangan markah disebabkan oleh pengejaan istilah yang salah. Contohnya, ejaan untuk hormon glukagon bagi soalan 3(b) dieja glikogen, dan tidak meletakkan unit saintifik bagi soalan 1(b) dan 2(a). Tidak memberikan istilah yang tepat juga menyebabkan calon kehilangan markah seperti di soalan 5. Bagi soalan eseи, selain penguasaan kandungan, perancangan jawapan merupakan aspek yang membezakan calon yang lemah, sederhana, dan baik. Calon tidak merancang jawapan dengan baik. Huraian tanpa fakta merupakan kelemahan utama yang menyebabkan calon kehilangan markah. Sebagai contoh, purata markah soalan 7(b) adalah rendah kerana kebanyakan calon memberikan fakta atau isi yang salah atau memberikan fakta tanpa huraian untuk soalan yang mempunyai 8 markah.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN A: Struktur

##### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan dua kepentingan mempunyai peratusan jumlah otot dan peratusan jumlah cecair optimum dalam badan dengan setiap item menyumbang 2 markah dan markah keseluruhan ialah 4 markah. Kelemahan calon yang ketara juga adalah berkaitan kesilapan penggunaan perkataan “mengelakkan” risiko. Sepatutnya perkataan yang digunakan adalah mengurangkan risiko kecederaan otot. Kekuatan calon bagi soalan ini adalah calon berupaya memberikan jawapan yang sesuai seperti mengurangkan risiko kecederaan bagi peratusan otot optimum tetapi kelemahan calon yang paling ketara pada soalan ini ialah calon tidak memahami konsep otot dan cecair tubuh yang boleh menyumbang kepada komposisi tubuh badan yang menandakan pemahaman calon terhad dalam subtopik komposisi tubuh badan dan kaitannya dengan otot atau cecair tubuh.

Soalan 1(b) menghendaki calon untuk menghitung indeks jisim tubuh bagi Swee Lin. Kekuatan calon pada soalan ini ialah calon berjaya memberikan jawapan yang tepat bagi rumus asas untuk mengira indeks jisim tubuh. Kelemahan calon pada soalan ini ialah calon tidak menghafal rumus yang menyebabkan calon kehilangan kesemua 3 markah atau tidak menulis rumus atau tidak menulis unit pada rumus yang menyumbang 1 markah menyebabkan calon hanya mendapat 2 daripada 3 markah. Terdapat ramai calon yang tidak meletakkan unit saintifik walaupun pengiraan yang ditunjukkan adalah betul. Perkara ini juga menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan 1(c) menghendaki calon menyatakan satu jenis senaman yang sesuai untuk meningkatkan komposisi tubuh badan. Kekuatan calon bagi soalan ini ialah majoriti calon berjaya memberi jenis senaman yang umum seperti bangkit tubi atau tekan tubi yang menandakan calon memahami perbezaan antara senaman dengan latihan. Kelemahan calon bagi soalan ini adalah bagi calon yang tidak memahami kehendak soalan atau tidak dapat membezakan antara latihan dengan senaman dengan minoriti calon memberikan jawapan yang salah tentang jenis ujian atau jenis latihan. Calon tidak dapat menamakan jenis latihan. Sebagai contoh latihan aerobik tidak diberikan markah oleh pemeriksa manakala aktiviti berlari atau berenang adalah betul dan diberikan markah.

## **Soalan 2**

Soalan 2(a) menghendaki calon menghitung beban berdasarkan maklumat yang disediakan. Kebanyakan calon dapat memberikan nilai yang betul, namun ramai calon kehilangan markah kerana tidak memberikan unit (kg) dalam jawapan.

Soalan 2(b) menghendaki calon melengkapkan komponen kecergasan berdasarkan intensiti dan ulangan sebagai pemboleh ubah yang diberikan. Kekuatan calon bagi soalan ini ialah calon memahami konsep pemboleh ubah bagi latihan bebanan yang menyumbang markah penuh bagi soalan ini. Kelemahan calon pada soalan ini ialah pengetahuan dan pemahaman asas calon yang melibatkan komponen kecergasan yang tidak berkaitan sebagai jawapan. Calon yang baik dapat memberikan jawapan yang tepat kerana memahami konsep latihan bebanan dan memahami komponen kecergasan. Kelemahan calon adalah mereka tidak boleh membezakan antara daya tahan otot dengan daya tahan kardiovaskular.

Soalan 2(c) menghendaki calon memerihalkan fasa persediaan untuk melakukan teknik tekan tubi seperti dalam keadaan meniarap, tangan ditekan pada lantai, dan juga kepala menghadap ke lantai. Kebanyakan calon tidak menjawab tentang teknik. Sebaliknya calon lebih menjawab tentang persediaan untuk melakukan tekan tubi seperti memanaskan badan dan mencari tempat yang rata. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik.

## **Soalan 3**

Soalan 3(a) menghendaki calon menamakan kelenjar yang terdapat dalam gambar rajah yang disediakan. Kekuatan calon pada soalan ini ialah calon dapat menamakan kelenjar berdasarkan gambar rajah dengan tepat. Kebanyakan calon dapat menamakan kelenjar berkaitan.

Soalan 3(b) menghendaki calon menamakan hormon yang dirembeskan oleh kelenjar yang berkaitan iaitu insulin dan glukagon. Calon yang baik dapat memberikan jawapan yang tepat selaras dengan jawapan di soalan 3(a). Kelemahan majoriti calon ialah mereka tidak mengingati hormon yang dirembeskan oleh kelenjar pankreas.

Soalan 3(c) menghendaki calon menyatakan fungsi hormon yang dirembeskan oleh kelenjar adrenal. Kekuatan calon pada soalan ini adalah calon dapat menjawab soalan 3(a) dan mempunyai pengetahuan tentang fungsi hormon yang dirembeskan oleh kelenjar dalam tubuh. Calon yang lemah tidak dapat menamakan fungsi hormon terbabit. Calon juga kehilangan markah kerana tidak dapat memberikan kata-kata yang tepat untuk fungsi hormon iaitu mengawal. Calon menggunakan kata kerja meningkatkan/menurunkan dan sebagainya.

#### **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan satu fungsi bagi X, Y, dan Z selain tempat perlekatan otot dan penyimpanan mineral berdasarkan gambar rajah rangka manusia. Calon secara keseluruhan memberikan jawapan yang baik untuk X seperti melindungi organ otak, jawapan sederhana untuk Y dengan calon secara umum meletakkan fungsi Y seperti menggerakkan tulang radius dan ulna dan jawapan sederhana juga untuk Z dengan kebanyakan calon memberikan jawapan seperti menggerakkan carpal atau metakarpal. Kekuatan calon pada soalan ini adalah memperolehi sekurang-kurangnya 1 atau 2 markah dengan jawapan yang tepat kebanyakan pada X menunjukkan calon memahami fungsi tulang kranium atau tulang Y dengan calon boleh memberikan jawapan seperti tuas pergerakan atau penghasilan sel darah merah. Kelemahan calon bagi soalan ini adalah pada Z dengan calon tidak mempunyai kefahaman atau pengetahuan tentang sumbangan Z dalam sistem rangka.

Soalan 4(b) menghendaki calon menyatakan fungsi bagi kartilej dan ligamen. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang baik untuk ligamen. Kekuatan calon pada soalan ini ialah calon memberikan jawapan yang tepat bagi fungsi ligamen yang merupakan pengetahuan asas fungsi ligamen sebagai tisu pengikat. Kelemahan calon adalah pada fungsi kartilej iaitu calon memberikan fungsi yang salah atau fungsi yang tidak tepat seperti mengelakkan tulang menjadi haus.

Soalan 4(c) menghendaki calon menyatakan satu hormon dan satu nutrien yang membantu pertumbuhan tulang. Kekuatan calon pada soalan ini ketara kerana majoriti calon berjaya memberikan jawapan yang tepat dan berjaya memperolehi 2 markah kerana bentuk soalan yang hampir sama dengan soalan tahun sebelum yang menyumbang kepada pengukuhan pengetahuan calon.

#### **BAHAGIAN B: Esei**

#### **Soalan 5**

Soalan 5(a)(i) menghendaki calon menyatakan empat jenis ujian yang digunakan untuk menguji ketangkasan. Kekuatan calon pada soalan ini ialah calon berjaya mendapatkan sekurang-kurangnya 1 atau 2 markah dan terdapat calon yang berjaya mendapat markah penuh bagi soalan ini kerana pengetahuan tentang jenis ujian ketangkasan. Kelemahan calon pada soalan ini adalah pada calon yang tidak mendapat minimum 3 markah atau markah penuh iaitu 4 markah kerana kebanyakan calon tertinggal perkataan seperti Larian dalam Ujian larian Zig Zag atau tidak meletakkan  $4 \times 10$  meter selepas menulis Ujian lari ulang alik menyebabkan nama ujian tersebut menjadi salah. Soalan 5(a)(ii) menghendaki calon memerihalkan tiga daripada ujian di soalan 5(a)(i). Calon dikehendaki menuliskan semula nama ujian tersebut walaupun nama ujian tidak menyumbang kepada markah untuk menunjukkan calon memahami konsep soalan berangkai yang memerlukan calon membuat rujukan sebelum memberikan jawapan. Kelemahan calon pada soalan ini amat ketara seperti calon tidak menulis semula nama ujian terlebih dahulu sebelum memerihalkan jawapan menyebabkan calon kehilangan markah kerana tiada rujukan. Selain itu, calon memberikan jawapan yang salah pada soalan 5(a)(i) yang menyebabkan calon memberikan perihalan bagi ujian yang salah bagi soalan ini.

Soalan 5(b) menghendaki calon memerihalkan empat komponen yang menyumbang kepada kemahiran ketangkasan. Kekuatan calon secara keseluruhan bagi soalan ini adalah amat baik dalam menyatakan komponen kecergasan yang berkaitan ketangkasan dengan majoriti calon berjaya mendapat 4 markah penuh bagi fakta atau isi jawapan. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah pada bahagian huraian iaitu calon hanya memberikan definisi komponen tersebut tanpa mengaitkan komponen tersebut dengan ketangkasan.

### **Soalan 6**

Soalan 6(a) menghendaki calon memerihalkan empat peranan kulit dalam mengawal atur suhu tubuh atlet. Kelemahan calon ketara pada soalan ini apabila kebanyakan calon tidak boleh memberikan fakta atau isi yang tepat. Fakta atau isi yang diberikan kebiasaannya merupakan huraian kepada jawapan menyebabkan calon tidak mendapat markah ataupun memberikan fakta atau isi yang tidak berkaitan dengan pengawalaturan suhu tubuh badan.

Soalan 6(b) menghendaki calon menyatakan dua peranan kelenjar ekrin dan menyatakan dua lokasi bagi kelenjar ekrin. Kekuatan calon pada soalan ini ialah mempunyai pengetahuan tentang fungsi kelenjar ekrin yang berfungsi untuk mengeluarkan peluh dengan majoriti calon berjaya mendapat 2 markah bagi peranan. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah tentang lokasi bagi kelenjar itu. Terdapat segelintir calon tidak mendapat markah atau mendapat 1 markah sahaja kerana memberikan jawapan yang tidak diterima bagi kelenjar ekrin.

Soalan 6(c) menghendaki calon menyatakan tiga lokasi kelenjar apokrin. Kekuatan calon pada soalan ini ialah calon berjaya menyatakan sekurang-kurangnya dua daripada tiga lokasi bagi kelenjar apokrin menandakan calon mempunyai pengetahuan asas mengenai kelenjar apokrin.

### **Soalan 7**

Soalan 7(a) menghendaki calon menyatakan empat organ dalam sistem urinari. Kekuatan calon pada soalan ini ialah berjaya mendapat 4 markah penuh kerana mempunyai pengetahuan tentang organ yang terlibat dalam sistem urinari. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah calon terkeliru antara sistem urinari dan sistem reproduktif kerana kedua-dua sistem itu terdapat organ seperti yang mengeluarkan bahan dari tubuh bagi sistem urinari dan reproduktif seperti zakar menyebabkan calon meletakkan jawapan seperti zakar, uterus atau faraj.

Soalan 7(b) menghendaki calon memerihalkan empat fungsi sistem urinari. Kekuatan calon pada soalan ini ialah calon berjaya menyatakan sekurang-kurangnya dua fakta yang tepat beserta huraian yang baik. Kelemahan calon adalah calon tidak dapat memberikan jawapan seperti penyerapan semula cecair, mengawal atur pH darah atau mengawal atur tekanan darah tetapi jawapan yang kerap diterima ialah mengelakkan dehidrasi atau mengawal atur suhu badan yang tidak berkaitan dengan fungsi utama sistem urinari menunjukkan calon terkeliru antara fungsi sistem integumentari atau proses homeostasis dengan sistem urinari yang menawarkan bentuk jawapan seperti yang ditulis oleh calon.

Soalan 7(c) menghendaki calon memerihalkan tiga perubahan urin sekiranya seorang atlet tidak meminum banyak air semasa permainan berlangsung dalam cuaca panas terik. Jawapan yang dibekalkan majoriti calon adalah hampir sama dan bertepatan dengan skema yang dibekalkan dan majoriti calon berjaya mendapat markah penuh bagi soalan ini.

# SAINS SUKAN 966/3

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 3 346 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 81.87% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	14.58	12.82	17.10	16.98	5.62	10.88	3.89	3.74	0.00	3.38	11.03

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhan, mutu jawapan calon berada di peringkat lemah. Dari segi kekuatan, calon mampu memahami dan menganalisa soalan terutama soalan 2(a), 2(b), 4(b), dan 4(c) dalam Bahagian A dan soalan 7 dalam Bahagian B. Calon mampu menjawab soalan walaupun mutu jawapan sederhana. Sebahagian calon mempunyai kekuatan untuk menganalisa soalan secara terperinci dan mampu mengemukakan idea sebagaimana yang dikehendaki. Kelemahan calon yang paling nyata adalah pada soalan di Bahagian A, iaitu soalan 1(a), 1(b), 3(a), 3(b), dan 4(a) di mana hampir semua calon gagal menjawab soalan tersebut. Calon gagal mentafsir dengan tepat. Manakala soalan Bahagian B, sebahagian jawapan calon agak lemah terutama calon yang menjawab soalan 5 dan 6. Ramai calon yang menjawab soalan ini yang mendapat markah di bawah 5 markah. Dari segi perancangan, calon kurang membuat perancangan yang rapi untuk menghadapi peperiksaan dan ini dibuktikan dengan mutu jawapan calon yang agak lemah.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN A: Struktur

##### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan tiga ciri komunikasi yang berkesan antara atlet dan jurulatih. Aras soalan ini adalah aras yang mudah. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang betul dan memenuhi kehendak soalan. Terdapat juga calon yang gagal mentafsir soalan dengan betul dengan memberi jawapan dalam kelompok fakta yang sama contohnya menyampaikan maklumat yang tepat, jelas, ringkas, konsisten, dan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan sesuai. Ada juga calon yang terkeliru dengan memberi jawapan jenis-jenis komunikasi yang bukan ciri bagi komunikasi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menyatakan empat implikasi komunikasi yang berkesan antara atlet dan jurulatih. Aras soalan ini adalah sederhana. Soalan ini mudah difahami tetapi calon amat lemah dalam memberi respon kepada soalan yang bertanyakan tentang implikasi sesuatu perkara. Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan dengan tepat kerana mungkin calon tidak memahami maksud istilah implikasi. Calon menulis jawapan dalam bentuk negatif. Terdapat juga calon menulis jawapan lebih kepada atlet.

## **Soalan 2**

Soalan 2(a) menghendaki calon menyatakan empat ciri personaliti yang mendorong seseorang atlet untuk menyertai sukan jenis berpasukan. Aras soalan ini adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini walaupun tidak mendapat markah penuh. Kelemahan sesetengah calon adalah tidak dapat membezakan ciri introvet dan ciri ekstrovet yang dapat membantu mereka memberi jawapan yang lebih tepat.

Soalan 2(b) menghendaki calon menyatakan dua sukan yang sesuai bagi seorang atlet yang mempunyai personaliti introvert dan ekstrovert. Aras soalan ini adalah sederhana. Soalan mudah difahami. Kekuatan calon pada soalan ini ialah majoriti calon mendapat markah penuh dengan memberikan contoh sukan bagi personaliti yang ditetapkan. Hanya segelintir calon yang meletakkan jawapan jenis sukan terbalik bagi personaliti yang diberi. Ada juga calon yang tidak membaca soalan dengan teliti dan hanya memberi satu jenis sukan bagi setiap personaliti yang diberi.

## **Soalan 3**

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan dua ciri pergerakan kawalan motor yang dilakukan semasa latihan mengembalikan bulu tangkis. Aras soalan ini adalah sederhana. Soalan mudah difahami. Kekuatan calon pada soalan ini adalah keupayaan memahami konsep lakukan motor dan berjaya memberi jawapan yang tepat. Kelemahan calon adalah tiada pengetahuan serta tidak memahami ciri pergerakan kawalan motor dengan jawapan yang diberikan adalah seperti teori kawalan motor, ciri pergerakan kemahiran motor, fasa-fasa dalam perkembangan motor yang tidak menepati kehendak soalan.

Soalan 3(b) menghendaki calon memerihalkan kawalan motor yang membantu atlet memantapkan ciri pergerakan seperti dalam soalan 3(a). Aras soalan ini adalah sukar. Kekuatan minoriti calon bagi soalan ini ialah calon dapat memberikan sekurang-kurangnya satu jawapan yang baik seperti pergerakan yang dilakukan dalam situasi berbeza dengan huraian dilakukan secara konsisten. Kelemahan calon bagi soalan ini amat ketara iaitu majoriti calon memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan aspek ciri pergerakan dalam konsep kawalan motor yang telah disoal.

## **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan maksud kecederaan akut. Aras soalan ini adalah sederhana. Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini walaupun kurang tepat. Ada juga calon yang tidak faham konsep kecederaan akut dengan memberikan jawapan seperti kecederaan kronik, kecederaan yang membawa maut, atau kecederaan yang serius.

Soalan 4(b)(i) menghendaki calon menyatakan satu jenis kecederaan akut yang berlaku pada tisu lembut pada bahagian kaki. Aras soalan ini adalah mudah. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Namun sebilangan kecil calon menulis jawapan sebagai patah dan terkehel. Calon tidak memahami apa yang dimaksudkan dengan kecederaan tisu lembut.

Soalan 4(b)(ii) menghendaki calon memerihalkan kaedah rawatan yang perlu dilakukan bagi merawat kecederaan seperti yang dinyatakan di 4(b)(i). Aras soalan ini adalah sederhana. Soalan ini mudah difahami. Majoriti calon dapat menjawab soalan dengan betul tetapi tidak mendapat markah penuh. Ini disebabkan calon tidak menulis mengikut urutan, calon tidak menggunakan istilah yang tepat, dan ada calon yang menulis jawapan yang berkaitan dengan TOTAPS dan DRABC. Ada juga calon yang memberikan jawapan yang ringkas iaitu RICE tanpa memerihalkannya seperti yang dikehendaki dalam soalan.

## **BAHAGIAN B: Esei**

### **Soalan 5**

Soalan 5(a) menghendaki calon memerihalkan falsafah kejayaan bagi seseorang jurulatih. Aras soalan ini adalah sukar. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini. Majoriti calon mendapat markah yang rendah. Malah ada dalam kalangan calon yang mendapat markah 0. Majoriti calon memberi jawapan yang tidak berkaitan iaitu jurulatih yang berfalsafah tinggi. Majoriti calon juga menjawab tentang ciri-ciri seorang jurulatih. Calon juga tidak dapat menulis isi dan huraian dalam membincangkan falsafah kejayaan seseorang jurulatih.

### **Soalan 6**

Soalan 6(a) menghendaki calon menyatakan maksud pembelajaran motor. Aras soalan ini adalah mudah. Majoriti calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan jawapan yang tepat. Calon memberikan jawapan berkaitan maksud kawalan motor, ada yang tidak menekankan tentang proses pembelajaran dan perubahan kekal. Ketidakmampuan calon memperoleh markah untuk soalan yang mudah seperti ini mungkin disebabkan oleh tanggapan bahawa topik pembelajaran motor ini merupakan topik yang sukar. Oleh itu, majoriti calon kurang membuat bacaan dan ulangkaji.

Soalan 6(b) menghendaki calon menyatakan tahap pembelajaran dan ciri pergerakan bagi model pembelajaran motor iaitu model Fitts dan Posner serta Model Pembelajaran Gentile. Aras soalan ini adalah sederhana. Majoriti calon yang memilih untuk menjawab soalan ini gagal menjawabnya dengan tepat. Calon juga tidak dapat menulis isi dan huraian seperti yang terdapat dalam skema. Calon memberikan jawapan berkaitan ciri-ciri umum dan tidak mengaitkan dengan pergerakan. Terdapat juga calon yang tidak dapat menulis ejaan yang betul bagi istilah tahap asosiatif bagi model Fitts dan Posner. Kekuatan calon bagi soalan ini ialah terdapat calon yang boleh mendapat sekurang-kurangnya 5 markah daripada keseluruhan soalan kerana dapat memberikan nama tahap bagi setiap model dengan baik.

Soalan 6(c) menghendaki calon menyatakan tiga jenis arahan lisan yang berkesan yang boleh diberikan oleh seorang jurulatih kepada atlet novis. Aras soalan ini adalah sederhana. Soalan ini mudah difahami. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini kerana calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak memahami maksud atlet novis. Sebahagian besar calon menulis jawapan komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan.

### **Soalan 7**

Soalan 7(a) menghendaki calon memerihalkan empat jenis luka terbuka. Aras soalan ini adalah mudah. Soalan juga mudah difahami. Kelebihan calon adalah calon dapat memberikan jawapan yang betul dengan huraian yang tepat. Terdapat calon yang keliru dengan memberi jawapan patah terbuka dan gagal mendapat markah. Majoriti calon yang menjawab soalan ini dapat menjawab soalan ini tetapi tidak mendapat markah penuh kerana menulis jenis luka terbuka yang lebih kurang sama menyebabkan jawapan bertindan serta menggunakan bahasa harian atau loghat untuk jenis luka. Manakala huraian yang diberi tidak menepati dengan jenis luka yang disenaraikan. Paling ketara untuk luka calar balar yang disebabkan oleh geseran antara kulit dengan permukaan yang kasar.

Soalan 7(b) menghendaki calon menyatakan tiga cara untuk merawat luka terbuka. Aras soalan ini adalah mudah. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini tetapi tidak dapat markah penuh. Kesalahan jawapan calon yang paling ketara adalah melakukan tuaman ais, melakukan kaedah TOTAPS, dan kaedah RICE.

Soalan 7(c) menghendaki calon memerihalkan dua sebab aplikasi haba perlu dielakkan dalam merawat luka terbuka. Aras soalan ini sederhana. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat

kerana calon tidak dapat mentafsir soalan dengan tepat. Kebanyakan calon memberikan jawapan tentang kebaikan aplikasi haba seperti mengelakkan luka menjadi lebih teruk, mengelakkan jangkitan kuman, dan mengurangkan pendarahan. Terdapat juga calon yang tidak dapat mengaitkan fakta dengan huraian menyebabkan calon gagal mendapat markah penuh.

## **KERTAS 5 (UJIAN AMALI BERTULIS)**

### **RESPONS CALON**

#### ***Komen am***

Secara keseluruhan, jawapan calon berada di peringkat agak lemah. Kelemahan calon pada soalan 1(c), 1(e), 1(f), 2(b), 3(a), 3(b), 3(c), 4(b), 4(c), dan 4(d) di mana hampir semua calon gagal menjawab soalan tersebut dengan baik. Calon gagal memahami kehendak soalan dan menjawab dengan betul. Calon juga tidak dapat buat huraian isi dengan jelas dan tepat.

#### **Soalan 1**

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan dua kesilapan maklumat yang terdapat dalam jadual. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik kerana jawapan yang diberikan tidak lengkap atau tidak tepat.

Soalan 1(b) menghendaki calon menyatakan mata yang diberikan kepada pasukan yang menang dan kalah. Kebanyakan calon boleh menjawab bahagian ini.

Soalan 1(c) menghendaki calon menghitung bilangan perlawanan bagi pertandingan liga satu pusingan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik kerana tidak nyatakan rumus pengiraan dan tidak menjawab dengan betul.

Soalan 1(d) menghendaki calon menyatakan tiga kaedah untuk menentukan kedudukan teratas bagi pasukan D dan E yang mempunyai pungutan mata yang sama. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini tetapi tidak ramai calon yang dapat markah penuh.

Soalan 1(e) menghendaki calon menghitung jumlah perlawanan jika penganjur menukar format pertandingan kepada sistem kalah mati tanpa tempat ketiga dan keempat. Ramai calon tidak tahu tentang rumus sistem kalah mati dan tidak dapat memberi jawapan yang diperlukan.

Soalan 1(f) menghendaki calon menyatakan dua sebab penukaran sistem pertandingan terpaksa dilakukan. Terdapat ramai calon gagal menjawab soalan ini dengan betul dan baik.

#### **Soalan 2**

Soalan 2(a) menghendaki calon ini meminta calon menamakan bahagian sistem respiratori. Ramai calon dapat menjawab soalan ini walaupun terdapat beberapa calon yang tidak dapat menjawab dengan sempurna.

Soalan 2(b) menghendaki calon memerihalkan proses inspirasi dalam sistem respiratori manusia. Aras kesukaran soalan ini adalah sederhana. Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 2(c) menghendaki calon menyatakan tiga cara untuk menjaga kesihatan peparu. Aras kesukaran soalan ini adalah mudah. Ramai calon dapat menjawab dengan betul walaupun terdapat calon yang tidak dapat markah penuh.

### **Soalan 3**

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan empat aspek yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kemahiran motor halus. Aras kesukaran soalan ini adalah sederhana sukar. Hampir semua calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kemungkinan calon tidak memahami kehendak soalan.

Soalan 3(b) menghendaki calon menyatakan empat sebab jurulatih perlu memberikan lebih fokus kepada kemahiran motor kasar sebelum membentuk kemahiran motor halus. Aras kesukaran soalan ini adalah sederhana sukar. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 3(c) menghendaki calon menyatakan empat kesan yang berlaku kepada atlet jika jurulatih ragbi tidak fokus kepada kemahiran kasar kepada atlet. Aras kesukaran soalan ini adalah sederhana. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 3(d) menghendaki calon menyatakan jenis sukan lain yang mendominasi penggunaan kemahiran motor kasar, motor halus, dan gabungan. Aras kesukaran soalan ini adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini walaupun ada calon yang tidak dapat markah penuh.

### **Soalan 4**

Soalan 4(a) menghendaki calon memerihalkan empat langkah yang dilakukan dalam kaedah RICE. Aras kesukaran soalan ini adalah sederhana. Ramai calon yang boleh menjawab soalan ini tetapi tidak mendapat markah penuh.

Soalan 4(b) menghendaki calon menyatakan dua perkara yang perlu dielakkan jika ais digunakan untuk mengurangkan bengkak. Aras kesukaran soalan ini adalah sederhana. Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik dan betul. Kemungkinan calon tidak memahami kehendak soalan.

Soalan 4(c) menghendaki calon menyatakan dua faktor kecederaan yang diklasifikasi sebagai kecederaan akut. Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini.

Soalan 4(d) menghendaki calon menyatakan lima kepentingan pemakanan yang seimbang untuk mengekalkan kesihatan dan meningkatkan prestasi seseorang atlet. Aras kesukaran soalan adalah sederhana. Ramai calon yang menjawab soalan ini tidak mendapat markah penuh kerana tidak dapat memberi huriaian yang betul dan tepat serta tidak menjawab berdasarkan kepada kehendak soalan.